



KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA TERAJU PERALIHAN TENAGA, TRANSFORMASI AIR, KEMAMPAHAN DAN TINDAKAN IKLIM DI EKSPLO OSAKA 2025

OSAKA, JEPUN, 9 September 2025 – Malaysia menjadi tumpuan di Ekspo Osaka 2025 apabila Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menganjurkan program Minggu ke-22 di Pavilion Malaysia yang berlangsung dari 8 hingga 14 September 2025.

Dengan tema '*Energising Sustainability, Aspiring Lives*' (Menjana Kelestarian, Menginspirasi Kehidupan), minggu ini menzahirkan komitmen Malaysia terhadap kelestarian, inovasi dan pembangunan inklusif sambil memperkukuh kerjasama global dalam peralihan tenaga, transformasi air dan tindakan iklim.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Ketua Setiausaha PETRA, Dato' Haji Mad Zaidi Mohd Karli yang menekankan visi Malaysia untuk memacu pertumbuhan ekonomi selari dengan pemeliharaan alam sekitar. Dua (2) Forum Perniagaan utama menjadi tonggak kepada program sepanjang minggu ini:

- Forum Peralihan Tenaga & Transformasi Air – menghimpunkan pembuat dasar, peneraju industri dan pakar global bagi menzahirkan komitmen Malaysia terhadap masa depan tenaga yang lestari. Perbincangan tertumpu kepada penyelarasan dasar, inovasi dan pelaburan untuk memacu peralihan tenaga yang adil dan inklusif di samping memajukan visi strategik untuk mentransformasikan sektor air melalui pendigitalan dan pengurusan sumber yang bersepadu.
- Forum Teknologi Hijau & Perubahan Iklim – menawarkan platform dialog praktikal mengenai daya tahan iklim dan penyelesaian mampan. Perbincangan utama merangkumi pasaran karbon dan

peranan sektor perniagaan dalam memajukan agenda kelestarian di samping mengetengahkan inovasi tempatan bersama pemain industri terkemuka yang menerajui inovasi hijau di peringkat nasional dan antarabangsa.

Penganjuran forum ini mengukuhkan aspirasi Malaysia untuk mencapai Sasaran Sifar Bersih menjelang tahun 2050 sambil meletakkan negara sebagai peneraju serantau dalam peralihan tenaga, transformasi air dan tindakan iklim.

Malaysia juga dijangka menjana peluang perdagangan dan pelaburan yang dipacu oleh penyertaan syarikat-syarikat tempatan dalam sektor tenaga, air dan teknologi hijau. Antara syarikat yang mengambil bahagian termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB), Petrolim Nasional Berhad (PETRONAS), Malakoff, UEM Lestara, Air Selangor, Ranhill SAJ, Concorde Renewable Energy, Thursinar Energy, Pumar Solar Power, FatHopes Energy, Global Tunikara, Nextgreen Global, Gaia Greentech, Heng Hiap Industries, dan Cube Global.

Selain itu, Minggu ke-22 turut menyaksikan pemeteraian beberapa Memorandum Persefahaman dan Kerjasama yang menjadi tanda aras penting dalam memperkukuh kerjasama dan mempercepatkan kemajuan kolektif ke arah matlamat kelestarian bersama.

Sebagai agensi pelaksana, Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) telah menyusun pelbagai inisiatif sepanjang minggu tersebut bagi menonjolkan pencapaian negara dalam pembangunan mampan. Inisiatif ini dijayakan dengan kerjasama kedua-dua kementerian serta agensi utama dan pihak berkepentingan. Ia melibatkan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Suruhanjaya Tenaga (ST), Indah Water Konsortium (IWK), Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).

- TAMAT -

Tentang Pavilion Malaysia di Ekspo Osaka 2025

Pavilion Malaysia di Ekspo 2025 Osaka meliputi keluasan 2,654.52 meter persegi merentasi tiga tingkat, mencerminkan kepelbagaian budaya dan dinamik ekonomi negara. Reka bentuk pavilion ini diinspirasikan oleh tradisi anyaman Malaysia dan songket ikonik, melambangkan warisan yang terjalinkan dengan inovasi. Dengan tema “Menganyam Masa Depan Dalam Harmoni”, Pavilion ini menyerlahkan komitmen Malaysia terhadap masa depan yang lestari, inklusif dan berpandangan jauh.

Sepanjang tempoh 26 minggu, Pavilion ini menjadi hab bagi kerjasama dan dialog antarabangsa. Minggu perniagaan melibatkan penyertaan 21 kementerian, 70 agensi dan 10 kerajaan negeri, dengan pelbagai program termasuk pameran, pelancaran produk, pemeteraian MoU dan sesi padanan perniagaan. Pavilion ini

juga akan menjadi tuan rumah kepada forum, sidang kemuncak dan acara jaringan strategik yang menampilkan Malaysia sebagai rakan global yang dinamik. Untuk maklumat lanjut mengenai Pavilion Malaysia dan program-programnya, sila layari laman rasmi di: <https://expo2025-malaysia.miti.gov.my>

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noreha Mohd Ripin
noreha@petra.gov.my

Noor Farisha Zainol Abidin
farisha@mgtc.gov.my



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

